



Kem Solat Remaja Bentuk Peribadi Cemerlang



Barisan peserta yang menyertai Kem Solat Remaja anjuran Pusat Islam, UPM.

TANJUNG MALIM, 12 Dis – Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Kem Solat Remaja untuk anak-anak staf UPM bagi membentuk kecemerlangan peribadi menerusi ibadah solat.

Penyelaras program, Alzasha Illiyyin berkata penekanan program yang diadakan di Kalumpang Resort and Training Centre itu menumpukan ibadah solat secara teori dan amali, mendidik anak-anak menunaikan kewajipan sebagai umat Islam dengan sempurna, membentuk keperibadian dan menghormati ibu bapa.

“Seramai 42 peserta yang terdiri daripada pelajar berumur 10 hingga 16 tahun menyertai kem kali ini manakala fasilitator terdiri daripada penuntut dari UPM, Darul Quran Kuala Kubu, Kolej Universiti Insaniah, Mergong, Kedah dan Universiti Utara Malaysia,” katanya.



Seorang peserta, Muhammad Khairil Asyraf, 14, berkata program seumpama itu sememangnya baik dalam mendidik remaja menunaikan solat dengan lebih sempurna di samping membentuk nilai keislaman dalam diri peserta.

“Kem solat ini dapat mengisi waktu cuti sekolah saya. Saya berharap akan menjadi lebih bertanggungjawab dalam menunaikan tuntutan Islam,” katanya yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Rendah Agama Repah, Tampin, Negeri Sembilan.



Para peserta sedang membuat praktikal cara mengambil wuduk yang betul.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. Maklumat lanjut sila hubungi Ustaz Alzasha Illiyyin 03-89468585/8582 atau Ili Syazwani Zahimi (012-3764581)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia